

## **PENYATA DEWAN**

### **PERSIDANGAN PERTAMA (KHAS) PENGGAL PERTAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KE-13 PADA 17 JUN 2013**

Upacara Pelantikan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri  
Dan  
Mengangkat Sumpah Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri

#### **HADIR:**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>ADUN</b>
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: Y.B. Dato' Dr. Haji Awaludin bin Said, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Kota
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: Y.A.B. Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, S.P.N.S., D.S.N.S., P.S.D., D.S.S.A., A.N.S.	Rantau
3.	Y.B. Dato' Haji Hasim bin Rusdi, D.P.N.S., D.M.S.M., P.P.T., J.P., A.N.S., A.M.N., P.M.C., P.J.K.	Labu
4.	Y.B. Tuan Manickam a/l Letchuman, P.M.C., P.J.K.	Jeram Padang
5.	Y.B. Dato' Haji Ismail bin Lasim, D.N.S., A.N.S., P.M.C.	Senaling
6.	Y.B. Dato' Norhayati binti Omar, D.S.N.S., P.M.C., P.J.K.	Pilah
7.	Y.B. Dato' Shamsulkahar bin Mohd. Deli, D.P.N.S., P.M.C., P.J.K.	Serting
8.	Y.B. Dato' Zaifulbahri bin Idris, D.P.N.S., D.N.S., P.J.K.	Chembong
9.	Y.B. Datuk Haji Jalaluddin bin Haji Alias, P.G.D.K., D.N.S., J.P.	Pertang
10.	Y.B. Tuan Haji Tun Hairudin bin Abu Bakar, J.P., P.M.C., P.J.K.	Bagan Pinang
11.	Y.B. Tuan Abd. Razak bin Ab. Said, P.M.C., P.J.K.	Gemas
12.	Y.B. Tuan Haji Abu Ubaidah bin Dato' Haji Redza, J.P.	Ampangan
13.	Y.B. Dato' Haji Lilah bin Haji Yasin, D.S.N.S.	Palong
14.	Y.B. Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, D.S.N.S.	Juasseh
15.	Y.B. Dato' Abd. Samad bin Haji Ibrahim, D.P.N.S., D.N.S., J.P., P.M.C., P.J.K.	Seri Menanti

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>ADUN</b>
16.	Y.B. Dato' Haji Yunus bin Rahmat, D.S.N.S., D.M.S.M., K.M.N., J.P., P.J.K.	Klawang
17.	Y.B. Dato' Haji Ishak bin Ismail, D.S.N.S., A.M.N., K.M.N., J.P.	Lenggeng
18.	Y.B. Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali, P.M.C.	Sungai Lui
19.	Y.B. Tuan Haji Abu Samah bin Mahat, D.N.S., A.N.S., P.M.C.	Johol
20.	Y.B. Tuan Mohd. Ghazali bin Abd. Wahid, A.N.S., P.M.C.	Paroi
21.	Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Mohd. Redza	Linggi
22.	Y.B. Tuan Mohd. Isam bin Mohd. Isa, A.N.S., P.J.K.	Gemencheh
23.	Y.B. Tuan Loke Siew Fook	Chennah
24.	Y.B. Tuan Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
25.	Y.B. Tuan Cha Kee Chin	Bukit Kepayang
26.	Y.B. Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Senawang
27.	Y.B. Tuan Chai Tong Chai	Chuah
28.	Y.B. Tuan Ean Yong Tin Sin	Lukut
29.	Y.B. Tuan Yap Yew Weng	Mambau
30.	Y.B. Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
31.	Y.B. Tuan Ravi a/l Munusamy	Port Dickson
32.	Y.B. Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
33.	Y.B. Puan Mary Josephine Prittam Singh	Rahang
34.	Y.B. Tuan Chew Seh Yong	Bahau
35.	Y.B. Tuan Siow Kim Leong	Lobak
36.	Y.B. Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai

**HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG  
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. YB. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Dato' Haji Mat Ali bin Hassan, D.P.N.S., D.P.T.J., A.M.T.)
2. YB. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Dato' Ishak bin Sahari, D.P.T.J., S.M.P.)
3. YB. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Dato' Ab. Radzak bin Ab. Rahman, D.S.N.S., P.P.T., P.M.C., P.J.K., A.M.P.)

**TURUT HADIR**

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Tuan Haji Mohamed Roduan bin Ujang, D.P.T.)
2. PENOLONG SETIAUSAHA  
(Nor Adzman bin Alias, P.M.C.)

**Setiausaha Dewan:** Perarakan masuk Cokmar Dewan Undangan Negeri.

[Bentara Dewan masuk menanggung Cokmar diiringi oleh Petugas Dewan].

[Cokmar diletakkan di tempat khas (di atas)].

Sila duduk. Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Persidangan Pertama (Khas), Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13.

Susunan Mesyuarat

## 1. **BACAAN DOA**

**Setiausaha Dewan:** Perkara yang pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Sungai Lui.

[Y.B. ADUN Sungai Lui (Y.B. Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali) telah membacakan doa di bawah Peraturan 9, muka surat 11 di dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

## 2. **PELANTIKAN YANG DIPERTUA DEWAN**

**Setiausaha Dewan:** Perkara kedua, Pelantikan Yang Dipertua Dewan. Sebelum kita meneruskan acara tersebut, marilah kita sama-sama mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah s.w.t. dan segala kepujian yang tidak terhingga dan sela, selawat serta salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w.

Seterusnya, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian yang telah pun terpilih dan dilantik menjadi Ahli Dewan Negeri bagi Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13.

Sekarang kita ke agenda kedua, iaitu Pelantikan Yang Dipertua Dewan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, menurut Fasal 57(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 dan Peraturan 2 Aturan 1(1) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri, Negeri Sembilan menyatakan bahawa:

“Dewan Negeri hendaklah mem, dari semasa ke semasa memilih seorang daripada ahli-ahlinya menjadi Yang Dipertua Dewan dengan meluluskan satu Usul dan selagi jawatan Yang Dipertua itu masih kosong tiadalah boleh dijalankan sebarang rundingan selain daripada pemilihan Yang Dipertua.”

Oleh yang demikian, saya mempersilakan seorang Ahli Yang Berhormat untuk mencadangkan seorang Ahli yang hadir pada hari ini untuk menjadi Yang Dipertua Dewan dengan cara mengemukakan Usul dan seorang Ahli Yang Berhormat untuk menyokong Usul tersebut. Dipersilakan.

**Y.A.B. ADUN Rantau:** Tuan Setiausaha Dewan yang mulia, saya mengemukakan satu Usul “Bahawa Yang Berhormat Dato’ Dr. Haji Awaludin bin Said; ADUN daripada kawasan Kota untuk dipilih menjadi Yang Dipertua Dewan.” Terima kasih.

**Y.B. ADUN Labu:** Tuan Setiausaha Dewan, saya menyokong Usul tersebut.

**Setiausaha Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana ah, seorang sahaja Ahli yang dicadangkan dan telah disokong menjadi Yang Dipertua, maka menurut Peraturan 2, Aturan 7(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan, dengan ini, saya mengisytiharkan Yang Berhormat Dato’ Dr. Haji Awaludin bin Said, Ahli Dewan Undangan Negeri Kota dipilih menjadi diper, Yang Dipertua bagi Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13.

### **3. UPACARA MENGANGKAT SUMPAAH YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN MENANDATANGANI SURAT SUMPAAH.**

**Setiausaha Dewan:** Perkara ketiga, Upacara Mengangkat Sumpah Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Dan Menandatangani Surat Sumpah. Dijemput Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua Dewan untuk acara mengangkat sumpah jawatan.

[Y.B. Yang Dipertua Dewan bangun menuju ke ruang berhampiran meja Yang Dipertua Dewan]

Dijemput, dijemput Yang Amat Berhormat ADUN Rantau untuk menyarungkan jubah dan songkok kepada Dato' Yang Dipertua Dewan.

[Y.A.B. Menteri Besar menyarungkan jubah dan songkok kepada Y.B. Yang Dipertua Dewan].

[Y.B. Yang Dipertua Dewan menuju ke kerusi Yang Dipertua Dewan dengan diiringi oleh Y.A.B. Menteri Besar dan Setiausaha Dewan].

[Seterusnya Y.A.B. Menteri Besar kembali ke tempat beliau].

[Y.B. Yang Dipertua Dewan mengangkat sumpah dan seterusnya duduk di kerusi Yang Dipertua Dewan dan menandatangani surat sumpah dengan diperhatikan oleh Setiausaha Dewan].

[Setiausaha Dewan kembali ke tempat dengan membawa surat sumpah yang telah ditandatangani].

#### **4. UPACARA MENGANGKAT SUMPAH JAWATAN DAN MENANDATANGANI SURAT SUMPAH AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DI HADAPAN YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**Setiausaha Dewan:** Perkara keempat, Upacara Mengangkat Sumpah Jawatan dan Menandatangani Surat Sumpah Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri di hadapan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri.

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri, Rantau mengangkat sumpah jawatan seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan I Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan mengikut kaedah Bahagian Yang Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959.

[Y.A.B. ADUN Rantau mengangkat sumpah dan seterusnya menandatangani Surat Sumpah].

[Perbuatan ini telah dilakukan oleh semua Ahli Yang Berhormat yang namanya dipanggil oleh Setiausaha Dewan]

**Setiausaha Dewan:** Dipersilakan:

4.1 Y.B. Dato' Haji Hasim bin Rusdi, ADUN Labu.

- 4.2 Y.B. Tuan Manickam a/l Letchuman, ADUN Jeram Padang.
- 4.3 Y.B. Dato' Haji Ismail bin Lasim, ADUN Senaling.
- 4.4 Y.B. Dato' Norhayati binti Omar, ADUN Pilah.
- 4.5 Y.B. Dato' Shamsulkahar bin Mohd. Deli, ADUN Serting.
- 4.6 Y.B. Dato' Zaifulbahri bin Idris ADUN Chembong.
- 4.7 Y.B. Datuk Haji Jalaluddin bin Haji Alias, ADUN Pertang.
- 4.8 Y.B. Tuan Haji Tun Hairudin bin Abu Bakar, ADUN Bagan Pinang.
- 4.9 Y.B. Tuan Abd. Razak bin Ab. Said, ADUN Gemas.
- 4.10 Y.B. Tuan Haji Abu Ubaidah bin Dato' Haji Redza, ADUN Ampangan.
- 4.11 Y.B. Dato' Haji Lilah bin Haji Yasin, ADUN Palong.
- 4.12 Y.B. Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, ADUN Juasseh.
- 4.13 Y.B. Dato' Abd. Samad bin Haji Ibrahim, ADUN Seri Menanti.
- 4.14 Y.B. Dato' Haji Yunus bin Rahmat, ADUN Klawang.
- 4.15 Y.B. Dato' Haji Ishak bin Ismail, ADUN Lenggeng.
- 4.16 Y.B. Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali, ADUN Sungai Lui.
- 4.17 Y.B. Tuan Haji Abu Samah bin Mahat, ADUN Johol.
- 4.18 Y.B. Tuan Mohd. Ghazali bin Abd. Wahid, ADUN Paroi.
- 4.19 Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Mohd. Redza, ADUN Linggi
- 4.20 Y.B. Tuan Mohd. Isam bin Mohd. Isa, ADUN Gemencheh
- 4.21 Y.B. Tuan Loke Siew Fook, ADUN Chennai.
- 4.22 Y.B. Tuan Haji Aminuddin bin Haji Harun, ADUN Sikamat.
- 4.23 Y.B. Tuan Cha Kee Chin, ADUN Bukit Kepayang.
- 4.24 Y.B. Tuan Gunasekaren a/l Palasamy, ADUN Senawang.

- 4.25 Y.B. Tuan Chai Tong Chai, ADUN Chuah.
- 4.26 Y.B. Tuan Ean Yong Tin Sin, ADUN Lukut.
- 4.27 Y.B. Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau.
- 4.28 Y.B. Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang.
- 4.29 Y.B. Tuan Ravi a/l Munusamy, ADUN Port Dickson.
- 4.30 Y.B. Tuan Veerapan a/l Superamiam, ADUN Repah.
- 4.31 Y.B. Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang.
- 4.32 Y.B. Tuan Chew Seh Yong, ADUN Bahau.
- 4.33 Y.B. Tuan Siow Kim Leong, ADUN Lobak.
- 4.34 Y.B. Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai.

## **5. PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN**

**Setiausaha Dewan:** Perkara kelima, Perutusan Yang Dipertua Dewan.

**Y.B. Yang Dipertua Dewan:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Menteri Besar, Negeri Sembilan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menjadi Yang Dipertua bagi Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13 ini.

Pelantikan ini adalah merupakan amanah yang besar yang dipertanggungjawabkan kepada saya, yang perlu saya tunaikan. Saya berjanji akan mencuba sedaya upaya saya untuk mengendalikan Dewan yang mulia ini sebaik yang mungkin selaras dengan mandat dan aspirasi rakyat. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk



merakamkan ucapan tahniah kepada Barisan Nasional yang telah pun berjaya menubuhkan Kerajaan Negeri Sembilan khususnya dan juga merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat ADUN Rantau, Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan yang telah dipilih semula mengetuai Kerajaan Negeri Sembilan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekalian, pilihan raya telah pun berlalu. Justeru itu marilah kita bersama-sama menjadikan Dewan yang mulia ini sebaik-baiknya, untuk kepentingan rakyat, membela nasib rakyat serta pembangunan negeri kita yang tercinta ini serta mencapai cita-cita ke arah pembentukan negara maju, selamat, aman dan sejahtera.

Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang baru dipilih, saya ingin memberi nasihat supaya mempelajari setiap perjalanan Dewan ini daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah pun dipilih semula. Ikutilah perjalanan dan peraturan undang-undang seperti yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri, Negeri Sembilan dan marilah kita menjaga nama dan keunggulan Dewan yang mulia ini.

Kepada Ketua-Ketua Jabatan, saya berharap tuan-tuan akan terus menghadiri persidangan Dewan dan mengikuti segala perbahasan yang diambil bahagian oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat serta terus mengambil tindakan susulan yang dibangkitkan di Dewan ini demi kepentingan rakyat.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum w.b.t. dan terima kasih.

## **6. PENANGGUHAN MESYUARAT**

**Setiausaha Dewan:** Perkara keenam, Penangguhan Mesyuarat.

**Y.B. Dato' Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan Dewan, dijemput Yang Amat Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat ke sesi bergambar di lobi utama Dewan. Dengan ini saya menangguhkan Dewan ke satu tarikh yang akan dibera, diberitahu kelak.

**[Dewan ditangguhkan pada jam 11.25 pagi]**